



VAKSIN CANSINO UNTUK 6 NEGERI KADAR VAKSINASI RENDAH

Oleh Fahmy A Rosli - Ogos 30, 2021 @ 7:48pm
fahmy.azril@bh.com.my



MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba (dua kanan) melihat proses pembotolan vaksin CanSino di premis Solution Biologics Sdn Bhd di Taman Teknologi Bukit Jalil, hari ini. - Foto ASWADI ALIAS.

KUALA LUMPUR: Vaksin CanSino dari China akan digunakan untuk meningkatkan kadar pemberian pelalian itu di enam negeri yang merekodkan kadar vaksinasi rendah iaitu kurang 50 peratus.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pihaknya sudah melakukan pembelian 3.5 juta dos vaksin Cansino yang akan melalui proses pengisian dan pembotolan serta proses berkaitan lain sebelum penghantaran ke enam negeri terbabit dilakukan secara berperingkat.

"Kita rasa bangga kerajaan botolkan vaksin CanSino di sini. Kita akan hantar ke negeri-negeri yang ketika ini masih belum mencapai kadar vaksinasi 50 peratus penduduk dewasa.

"Kita beli dengan CanSino (Biologics Inc) sebanyak 3.5 juta, 'fill and finish' (pengisian dan pembotolan) kita buat tiga juta dos. Sebanyak 500,000 dos 'fill and finish' daripada syarikat pembekal CanSino di China.

"Baki vaksin akan yang akan dibekalkan secara pukal bakal sampai 10 Ogos depan, membabitkan kumpulan terakhir untuk ujian stabiliti oleh NPRA. Selepas 40 hari sudah boleh buat 'fill and finish'.

"Kita sudah menerima 200,000 dos dan telah dihantar ke Sabah dan beberapa negeri lain yang mana kita perlu capai imuniti kelompok iaitu 50 peratus sehingga September ini. Pada September, kita akan terima lagi 300,000 dos daripada CanSino," kata pada sidang media hari ini.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Solution Biologics Group Sdn Bhd, kemudahan pembuatan dan pengilangan vaksin Cansino di Taman Teknologi Malaysia, hari ini.

Ia lawatan sulung Dr Adham selepas dilantik menerajui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Turut hadir, timbalannya, Datuk Ahmad Amzad Hashim dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Ir Dr Siti Hamisah Tapsir.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mahu enam negeri yang kadar vaksinasinya rendah, mencapai lebih 50 peratus suntikan menjelang hujung bulan depan, iaitu Terengganu, Perak, Johor, Kedah, Kelantan dan Sabah.

Sementara itu, Dr Adham memaklumkan kementeriannya dalam proses akhir penyediaan pelan jangka panjang vaksin yang akan dilancarkan tidak lama lagi. "Mungkin satu atau dua bulan lagi kerana sekarang kita di peringkat akhir," katanya.